Town and Country Planning (Amendment) Act, 1951 in England, Section 1, sub-section (3), provides that, “the Principal Act of 1947 shall have effect and shall be deemed for all purposes to have had effect as if it had originally been enacted as amended by the preceding sub-section.” Here is a case where an amending Act was made retrospective—amending Act in 1951 was made retrospective to its original Act of 1947. Here again, to strengthen the argument of the unlimited power of the Parliament, not only can the Parliament legislate retrospectively in this case, but it may even do so in what may appear to be unreasonable or against natural justice. During the 17th century, it was at one time thought that an Act of Parliament against reason or natural justice would be adjudged void, but today such theory is of merely antiquarian interest.

Summing up, Sir, what I tried to submit in this House is that this action was taken—I beg your leave to repeat this—in order that the public interest may be safeguarded in the light of the maladministration and malpractices in the local authorities, and particularly so, when we have proof—the Report of the Royal Commission of Enquiry of the Seremban Town Council headed by the Opposition Coalition—that there have been, in fact, cases of maladministration and malpractice.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Di-dalam keterangan yang di-beri oleh Menteri tadi ada tersebut satu perkataan sa-chara umum—in general—kata-nya kesemua Local Council Authorities—dia menggunakan *plural*. Jadi, ada-kah termasuk juga Municipalities, termasuk juga Town Council dalam perkataan Local Authorities itu?

Tuan Khaw Kai-Boh: Sir, this Bill concerns only the Municipalities.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

MOTIONS

THE CUSTOMS ORDINANCE, 1952

The Customs Duties (Amendment) (No. 5) Order, 1966

The Parliamentary Secretary to the Minister of Finance (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (2) of section 10 of the Customs Ordinance, 1952, the Customs Duties (Amendment) (No. 5) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 62 of 1966 be confirmed.

The Order before the House serves to correct the anomalous provision in the tariff structure. Formerly, unset pearls and precious and semi-precious stones were dutiable at 25 per cent, whereas the duty of articles incorporating them was at 10 per cent. In order that the work of setting such pearls, precious and semi-precious stones may be carried out in Malaysia rather than in other countries, and also in order to discourage smuggling of these articles, it was found necessary to bring the level of duty of such unset pearls, precious and semi-precious stones to the same level as that on articles incorporating them.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sir, I beg to second the motion.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Kerajaan mengemukakan motion ini dengan niat hendak mengurangkan penyeludupan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukachita terhadap Kerajaan sebab di-dalam keterangan-nya dengan tegas mengatakan bahawa dengan meluluskan usul ini dapat-lah kita mengurangkan penyeludupan yang membawa barang² itu, tetapi apa-kah dengan chara menurun-

kan peratus chukai itu jalan yang sa-benar untuk mengurangkan penyeludupan atau pun usaha² menchegeh penyeludupan itu kalau itu lebeh berkesan.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang bagini: apabila kita menyokong usul ini, maka kedua² tujuan itu tidak akan dapat—yang pertama chukai kemasokan kita pun kurang daripada 25% kita turunkan kepada 10%. Jadi kita sudah rugi 15% dengan harapan konon-nya hendak mengurangkan penyeludupan, sedang penyakit penyeludupan itu tidak di-ubat. Jadi, penyeludupan itu menjadi² juga sa-bagaimana biasa dan chukai masuk pun kurang. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, usaha yang sa-macam ini tidak bijak dan saya rasa patut-lah penyeludupan itu di-ubati, bukan lain tempat yang sakit, lain tempat yang kita buboh ubat.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, langkah yang di-buat ini dengan menurunkan chukai daripada 25% kepada 10% ia-lah sa-bagai satu daripada langkah² untuk mengurangkan kechenderongan pada penyeludupan. Jadi dengan mengemukakan ini tidak-lah di-maksudkan bahawa ini-lah sahaja langkah yang di-jalankan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kechenderongan pada penyeludupan. Langkah² yang lain itu memang-lah sudah berjalan dan pehak Kerajaan memang-lah sentiasa mengambil langkah dan sentiasa memikirkan dan membaiki langkah² untuk mengurangkan penyeludupan. Ini hanya-lah sa-bagai salah satu chara yang lain untuk mengurangkan kechenderongan atau mengurangkan *incentive* untuk menyeludupkan barang².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau di-dalam kenyataan yang di-kemukakan pada kali pertama tadi begitu-lah tertib, erti-nya chermat-nya, saya tidak bangkit, tetapi chara memberi penerangan tadi itu patut di-perelokkan lagi, sebab Ahli itu selalu *represents* Menteri Kewangan, jadi wording-nya itu patut di-gunakan elok².

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (2) of section 10 of the Customs Ordinance, 1952, the Customs Duties (Amendment) (No. 5) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 62 of 1966 be confirmed.

THE SABAH CUSTOMS ORDINANCE (CAP. 33)

The Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 3) Order, 1966

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sabah Customs Ordinance (Cap. 33), the Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 3) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 63 of 1966 be confirmed.

This Order applies to Sabah in the same way that Customs Duties (Amendment) (No. 5) Order, 1966, applies to Western Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sabah Customs Ordinance (Cap. 33), the Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 3) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 63 of 1966 be confirmed.

THE SARAWAK CUSTOMS ORDINANCE (CAP. 26)

The Customs (Import and Export) Duties (Amendment) (No. 2) Order, 1966

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sarawak Customs Ordinance (Cap. 26), the Customs (Import and Export) Duties (Amendment) (No. 2) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 64 of 1966 be confirmed.

This Order applies to Sarawak in the same way that Customs Duties (Amendment) (No. 5) Order, 1966, applies to Western Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Sir, I beg to second the motion.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengemukakan sedikit ia-itu saya tidak ada kertas ini, boleh jadi saya tidak dapat Statute Paper No. 64 ini.

Mr Speaker: Tidak ada apa?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak ada Statute Paper No. 64/1966.

Mr Speaker: Jadi tidak menjadi soal-lah!

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sarawak Customs Ordinance (Cap. 26), the Customs (Import and Export) Duties (Amendment) (No. 2) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 64 of 1966 be confirmed.

THE CUSTOMS ORDINANCE, 1952

The Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1966

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move the motion standing in my name which has been put down in the Order Paper as Item No. 7 and which reads as follows:

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (2) of section 10 of the Customs Ordinance, 1952, the Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 65 of 1966 be confirmed.

The Order before the House abolishes Commonwealth preference in respect of import duties on several categories of goods, viz. sugar, textiles and wearing apparel, alcoholic beverages, tobacco, cosmetics and perfumery, television and wireless sets, musical instruments, and tyres and tubes. Henceforth, the import duties on these goods will be uniformly fixed at the old non-Commonwealth rates. I expect this measure to yield \$17 million of additional revenue in a full year. I might add that in a simultaneous exercise to remove the preferential rates of *ad valorem* registration fee on motor vehicles, a further

\$10 million per annum is expected to be collected.

I have explained publicly that the decision to remove Commonwealth preference has been made with a view to strengthening the financial position of the Government which, in the current fiscal year, is facing a deficit on current account. This is a trend which clearly had to be reversed, if we are to remain financially viable and credit worthy, a paramount consideration for attracting foreign aid on the scale envisaged in order to implement the First Malaysia Plan. New sources of revenue had, therefore, to be found.

In this connection, I would like to emphasise again that, under the financial circumstances in which we were placed, we really had no choice, except to act in the way we did. This was the only possible course open to us in mid-year. Something had, therefore, to be done, and done quickly, to cover the deficit on current account. I, of course, agree that our financial position is by no means desperate, but if we regard ourselves as a responsible Government that has achieved an international reputation in this respect, we clearly should not delay taking remedial action until it was too late. The time we chose was by no means too early, if we are in earnest about maintaining the strength and stability of our currency, a matter which gains added importance in view of the fact that by the middle of next year Bank Negara will be issuing its own currency.

When that event takes place, it is absolutely vital that our foreign exchange reserves should be more than enough and our financial position should be strong. Anything less than this might lead to a dangerous erosion of confidence in our currency, and this would be a poor start for us, and would justify the strictures of our critics and opponents, who insist that we are not fit to manage our own currency unless we are tied to the apron strings of a currency board system with all its rigidities and colonial pattern of operation. We therefore, cannot afford to take chances at this stage, and we must do everything

we can to ensure that on 12th June, 1967, the day Bank Negara issues its own currency, we get off to the best possible start. Under these circumstances, I hope that Commonwealth Governments whose exports have been affected by our action will view the reasons which dictated it with sympathy and with understanding.

I have also stated that the action taken by the Government in no way reflects any change in its trade policy. Malaysia still accords a substantial number of preferences in favour of goods of Commonwealth origin. In the aggregate, the value of the remaining goods accorded such preference is approximately equal to the value of Malaysian goods accorded preference in other Commonwealth countries. I should also add that preferences contracted under trade agreements entered into by Malaysia with individual countries remain unaltered.

Sir, I beg to move.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Sir, I beg to second the motion.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai kebiasaan, saya dalam sa-barang usaha yang di-kemukakan oleh Kerajaan, saya menyokong pada asas-nya, dan di-sini saya suka-lah mengambil peluang memberi pendapat saya tentang pindaan Undang² terhadap chukai ini ia-itu dengan kita berhajat atau pun berniat supaya dengan pindaan ini kita dapat menolong lagi menegohkan kedudukan kewangan kita dengan kita mengadakan pindaan bagi *import duty* yang preferential.

Tuan Yang di-Pertua, memang-lah satu daripada usaha kita ia-itu memansokhkan chukai² yang sa-macam itu supaya kita dapat chukai kemasokan banyak. Tetapi dari segi ekonomi yang saya faham selalu yang di-sarankan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan dan Perdagangan yang selalu-nya lebih banyak daripada Menteri Finance sendiri ia-itu hubungan ekonomi. External Economy, tidak-lah dapat kita menyukat dengan ekonomi dari dalam. Jadi saya bimbang kalau² apabila kita mansokhkan chukai preferential ini dengan harapan kita hendak

dapat chukai masok lebih, tetapi reaction daripada negara² yang berkenaan itu akan menerbitkan pula tindakan² terhadap kita.

Jadi kalau sa-kira-nya dahulu kita memberi keistimewaan itu dan hujah kita memberi keistimewaan chukai yang rendah itu tidak menyentoh kedudukan kewangan kita, maka elok pula kita buat begitu supaya orang menimbang pula hubungan kita dengan mereka itu. Maka sekarang ini mengapa pula yang kita sedar bahawa kita mesti memansokhkan preferential duty itu? Jadi kalau dahulu-nya kita mengharapkan simpati orang² itu kepada kita, maka sekarang ini dengan lojik-nya, dengan mudah-nya, bila kita mansokhkan preferential duty itu, orang pun akan bertindak terhadap kita, dan saya bimbang reaction daripada memansokhkan preferential duty ini akan menambahkan lagi kesulitan di-dalam masaalah ekonomi kita—in contact with the external economy.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penoh usul Kerajaan yang terkandung di-dalam-nya policy baru berkenaan dengan keistimewaan sa-tengah² impot² daripada negara² Commonwealth.

Tuan Yang di-Pertua, kita yang berumur lebih daripada 40 tahun di-negeri ini telah di-dided dalam sekolah² kolonial di-mana kita belajar tentang kelakuan gentleman. Dalam didekan ini kita di-fahamkan ia-itu apa juga yang di-lakukan oleh orang British ia-lah chara yang di-buat oleh gentleman. Mereka tidak boleh buat salah. Mereka selalu menimbangkan sa-chara adil. Kalau penimbangan ini selalu menguntongkan mereka sendiri, ini bukan-lah apa, ini terpaksa jadi, kerana keadilan.

Kita juga di-ajar tentang *word of honour* ia-itu kita mesti patoh kepada janji², walau pun janji² itu di-pulas daripada kita dengan chara yang kejam. Akhir-nya kita di-ajar supaya menjadi good loser ia-itu mesti *sporting* selalu. Kalau kita dapati orang Inggeris tipu, kita kata itu chara gentleman sungguh pun kita tidak nampak (*Ketawa*). Kalau kita terikat

dengan tipu daya-nya kita mesti *honour our words*. Dan kalau kita rugi kerana di-tipu, kita mesti senyum dan tunjok yang kita ini ia-lah good loser dan real gentleman (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Commonwealth preference ini di-buat di-masa penjajah. Saya tidak perchaya yang siapa² pun berani kata chara ini yang di-bentok pada zaman penjajah bermaharaja-lela di-sini ia-lah dengan kerana kasehan kapada jajahan² ta'alok-nya. Atau pun mereka ini telah nampak ia-itu pada satu hari jajahan² ini akan menjadi negara² merdeka dan berdaulat. Saya perchaya mereka membuat Commonwealth preference ini sa-mata² untuk menjaga market untuk keluaran industry² British dan supaya mereka dapat mengawal bahan² yang penting yang ada di-jajahan² ta'alok.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita menuntut kemerdekaan, Honourable British Gentleman telah menegas penting-nya memegang kuat kapada Commonwealth preference, sa-olah² ini di-bentok khas-nya untuk memelihara Malaya yang merdeka. Sunggoh pun kita tidak nampak macham mana ini akan menguntongkan kita, tetapi supaya kita tidak dikatakan bukan gentleman kita telah terima alasan² yang di-buat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lama kita merdeka, kita telah chuba jadi gentleman dengan British, tetapi sa-makin lama sa-makin terang yang gentleman—orang yang mengajar kita supaya menjadi gentleman—mereka sendiri bukan gentleman. Mereka chuma menggunakan tayangan ini untuk kepentingan mereka sahaja.

Pada Ogos, 1965 kita telah nampak dengan jelas betapa bad loser mereka boleh jadi. Daripada Ogos, 1965 sahingga sekarang, British telah tunjok bertalu² yang mereka akan membuat apa sahaja untuk menjujuk apa yang boleh jadi kapada kita jikalau kita tidak bekerjasama dengan mereka. Saya tidak akan sebutkan satu persatu, tetapi sa-telah kita kenal baik gentleman kita, gentleman friend, maka tidak dapat tidak kita mesti tukar

sikap kita terhadap mereka. Jadi saya mengalu²kan langkah Kerajaan merentikan Commonwealth preference bagi sa-tengah² impot pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada lagi perkara² yang patut di-kaji samula berkenaan dengan ikatan² yang di-buat sa-belum merdeka. Kita tahu sa-belum merdeka, Kerajaan Negeri² Melayu mesti menerima nasehat² yang di-berikan oleh British Advisers. Mereka ini telah menggunakan kuasa nasehat mereka untuk perniagaan company² British. Umpama-nya, berkenaan dengan tanah ladang getah. Saya di-beri tahu ia-itu tanah² yang luas yang di-beri kepada company² British dikenakan hasil yang rendah, kadang²-nya sa-banyak 10% sahaja daripada hasil² yang di-kenakan kepada peladang² kecil. Apabila di-soal, sa-tengah² daripada pegawai kita berkata, kita tidak boleh ubah hasil oleh kerana kita telah janji dengan company² ini masa British, kita tidak boleh pechah janji² ini. Jadi tentu-lah terang, sungoh pun pada masa di-buatkan janji² itu British telah berkelakuan kurang sedikit daripada gentleman dengan menggunakan kuasa British Adviser untuk kepentingan bangsa mereka, kita pula sekarang ini hendak gentleman sangat dan tidak mahu memecah janji yang merugikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebeh burok lagi ia-lah kejadian di-Pulau Pinang. Apabila Captain Light telah, dengan pandai-nya, mengambil Pulau Pinang dia telah beri kepada keluarganya dengan tiada di-kenakan apa² pun, atau pun chuma dengan nominal charge sahaja tanah² yang ada di-Pulau Pinang. Tanah² ini telah ada orang² yang memileki-nya dengan chara usaha, tetapi ini tidak dipedulikan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Satu daripada tanah² yang di-beri kepada keluarga Captain Light ini ia-lah Brown Estate di-Glugor. Dengan murah hati-nya, Mr Brown telah berkata kepada orang² yang pada masa itu menduduki di-dalam tanah ini ia-itu mereka boleh tinggal di-situ dengan tidak di-kenakan apa² bayaran. Ini sama-lah juga, sa-orang yang meny-

mun duit daripada saya dan sa-lepas itu memberi wang balek kepada saya, dan berlagak saperti dermawan.

Tuan Yang di-Pertua, akibat ram-pasan ini ia-lah, sekarang penduduk² di-Brown Estate terpaksa di-keluarkan oleh keturunan Brown yang telah menjualkan tanah ini kepada orang² lain. Ini membawa kepada kesusahan yang menyedehkan. Tetapi, Kerajaan tidak-lah boleh membuat apa². Kita maseh patoh kepada Undang², dan Undang² berkata Brown Estate ini ia-lah hak keturunan Brown, dan mereka boleh menjualkan tanah itu atau pun membuat apa². Kerajaan tidak akan champor tangan, sungoh pun chara Brown mendapat Estate ini bukan-lah bagitu tertib.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya perjanjian² saperti ini dapat di-kaji balek. Kita ta' boleh pegang kuat sangat dengan chara gentleman. Kita merdeka dan kita mesti berusaha untuk kebaikan diri kita. Di-dalam soal Commonwealth preference, kita telah ambil tindakan. Sekarang saya berharap supaya bila juga kita dapati, ia-itu kelakuan dan kerja yang di-jalankan oleh penjajah British dahulu, ke-kurangan dalam segi ajaran, patut-lah kita ambil tindakan untuk menjaga kepentingan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu saya menyokong penoh usul Kerajaan untuk meminda chukai² yang di-kenakan kepada sa-tengah² daripada import² daripada negara² Commonwealth. Terima kaseh.

Tuan Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengalu²kan Rang Undang² yang di-bentangkan di-Dewan pada hari ini, ia-itu mengaleh atau pun meminda Undang² Khas berkenaan chukai² barang² yang datang daripada Commonwealth. Ini satu langkah yang berani, rasa saya, kerana apa, saya perchaya negeri² Commonwealth yang tertentu akan pula mengambil peluang, mengambil sikap yang lain terhadap Undang² yang kita timbulkan di-negeri kita ini. Dan daripada ini, kita akan menghadap satu perkara yang sangat² penting. Jadi, dalam perkara ini, rasa

saya, patut juga-lah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mengalahkannya usaha-nya supaya ketetapan wang kita di-luar negeri tetap, ia-itu mencari pasaran² yang luas di-dunia ini.

Sebab, saya kata bagitu, pasaran² barang kita belum lagi cukup laris di-luar daripada Commonwealth, bagaimana yang telah saya lihat pada masa lawatan saya di-negeri Eropah, di-Timor Tengah dan juga di-Tenggara Asia. Jadi, rasa saya kita mesti menghadapi keadaan itu. Dan, kalau kita dapat menyalurkan pengeluaran² barang² kita ka-negeri² lain daripada Commonwealth ini, mungkin mereka² akan menimbang tindakan² yang akan di-ambil oleh sa-paroh² negeri dalam Commonwealth ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, usul ini juga akan memberi peluang yang baik kepada kita, ia-itu terutama sa-kali ra'ayat Malaysia menggunakan Perusahaan²-nya sendiri. Jadi, apa sebab saya kata bagitu, pada masa yang lampau, boleh di-katakan perusahaan² kita belum lagi mendapat layanan atau pun penerimaan daripada ra'ayat kita sendiri. Masih banyak lagi ra'ayat kita yang menggunakan barang² yang datang daripada luar negeri. Jadi, dengan ada-nya Undang² yang macam ini, maka kegiatan yang di-jalankan oleh perusahaan² kita di-dalam negeri ini, lebih mendapat satu perasaan yang gembira dan peluang yang baik pada masa hadapan.

Jadi, dalam perkara ini, saya percaya-lah banyak lagi perkara yang mengenai kepentingan negara kita di-antara Malaysia dan Commonwealth ini, dapat juga di-semak balek sa-mula sa-bagaimana ucapan sahabat saya yang baharu berchakap tadi. Banyak lagi perkara², bukan-lah berkenaan tanah sahaja, tetapi banyak lagi perkara² yang kita fikir patut boleh kita pinda dan ini akan meninggikan kedaulatan negara kita daripada negara² lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam usul ini, saya sa-kali lagi memberi tahniat-lah kepada Menteri Kewangan yang telah berani membentangkan usul ini di-hadapan kita. Kerana, pada masa

ini, pada masa yang lampau, kita ini masih lagi berhaluan kepada Britain, dan ini-lah, rasa saya, satu langkah yang sangat baik, ia-itu kita menuju kepada kedaulatan kita sendiri dan kita tidak berharap kepada negeri² lain.

Sungguh pun ada baik-nya—banyak perkara² yang di-fikirkan baik pada masa kita hendak merdeka dahulu, ia-itu kita masuk dalam Commonwealth, tetapi sa-telah pada masa yang lampau ini, kita dapati banyak perkara² di-dalam Commonwealth itu telah mengakibatkan keadaan negara kita kucar-kacir. Jadi, rasa saya, ini lagi langkah yang baik menuju arah kepada negara yang berdaulat dan merdeka. Terima kasih.

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I am grateful to my Honourable friends on the Government benches for supporting these measures so fully and so ably.

In reply to the Honourable Member for Bachok, I might add—in fact, I had referred to this aspect of the matter in my speech when proposing this motion—that we had no choice and we had to do what we did. In spite of this, we still accord to Commonwealth imports into Malaysia approximately the same value of preferences which are being accorded to Malaysian exports to Commonwealth countries. As I have said previously, this matter before this exercise was a rather one sided affair in the sense that what we gave was far more than what we received. In spite of this exercise, I think the balance is about right now. I also agree with my Honourable friends on the Government benches that this measure has got a protective element, in that apart from the revenue aspects the measure we propose will give very much needed encouragement and assistance to our own domestic industries.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (2) of section 10 of the Customs Ordinance, 1952, the Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 65 of 1966 be confirmed.

THE SABAH CUSTOMS ORDINANCE (CAP. 33)

The Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 4) Order, 1966

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move the following motion standing in my name, which has been put down on the Order Paper for today as item No. 3:

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sabah Customs Ordinance (Cap. 33), the Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 4) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 66 of 1966 be confirmed.

This Order repeats most of what appears in the Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1966, which has been confirmed by the House, and which applies to the Principal Customs Area of West Malaysia only.

I wish, however, to draw the attention of Honourable Members to the fact that in West Malaysia no import duty is collected on motor vehicles, but instead an *ad valorem* registration fee is levied. In the States of East Malaysia, on the other hand, an import duty is collected with no *ad valorem* registration fee levied. In effect, the import duty in East Malaysia replaces the *ad valorem* registration fee in West Malaysia. The basis for collecting both these levies has now been made uniform.

Sir, I beg to move.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sir, I beg to second the motion.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, motion ini atau usul ini tidak-lah begitu berbeza pada dasar-nya dengan motion yang baru lalu tadi. Jadi, untuk menambahkan lagi pendapat saya berasaskan kepada apa² yang saya telah katakan dalam motion yang lalu itu, saya suka-lah hendak mendapat keterangan lagi yang lebih lanjut dan sehat lagi daripada Menteri Kewangan kita ia-itu di-dalam argument yang di-kemukakan oleh Menteri kita ini bahawa walau pun kita memansokhkan preferential duty itu, kedudukan ekonomi kita pada masa ini kita jamin elok lagi ia-itu perkara² itu

tidak menyentoh ketegohan balance of payment kita dengan negeri² yang berkenaan—itu yang di-sebutkan oleh Menteri kita baharu sa-kejap tadi, ia-itu untuk menguatkan hujah Menteri, Menteri kita berkata walau pun memansokhkan preferential duty itu di atas tindakan negeri Commonwealth terhadap exporter² kita tidak tersentuh. Jadi erti-nya mereka itu tidak-lah pula di-kenakan preferential duty dari segi negeri² sana. Jadi, itu-lah menjadi hujah kepada Menteri kita bahawa perkara itu tidak menyentoh balance of payment di-negeri kita.

Kalau pendapat saya ini tidak silap, saya faham daripada Menteri kita maka saya amat-lah berasa dukachita di atas hujah² itu, kerana kalau pada masa ini negeri itu tidak memansokhkan preferential duty terhadap kita sebagaimana kita melakukan, boleh jadi besok atau pun lusa harus di-mansokhkan, maka hilang-lah hujah yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri kita tadi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-sebut oleh Ahli daripada Kota Star Selatan tadi ia-itu memuji Kerajaan kita, khusus-nya Menteri kita ini, tentang berani-nya mengemukakan usul² yang sa-macam ini dan beliau menarek perhatian satu peristiwa yang berlaku di-Estate Glugor yang di-punya² oleh sa-orang yang di-katakan nama-nya Brown, dan Dewan ini tentu-lah bersetuju dengan apa yang di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan kita harap di-Sabah pun akan di-perhatikan juga perkara² ini.

Apa yang saya suka hendak memberitahu kepada Dewan ini yang saya tahu ia-itu tanah² yang di-punya² atau yang di-mileki atau di-katakan di-mileki oleh Brown dan keluarga-nya di-Pulau Pinang itu tidak-lah boleh, dari segi undang², kita hendak mengatakan orang itu menipu kita atau begitu bagini, sebab yang saya tahu dalam sejarah—kalau saya tidak betul boleh di-perbetulkan—ia-itu orang ini membuat perjanjian dengan Raja² Melayu bukan dengan policy Kerajaan, Jadi, mithalnya dia hendak buka kebun getah dia membeli tanah itu daripada Raja itu, jadi, erti-nya dia tidak beli daripada

Kerajaan negeri itu. Jadi, Kerajaan tidak ada berkuasa di atas tanah itu, jadi menunjukkan, kalau-lah ada Raja² itu menjual, maka Kerajaan tidak boleh berkata apa² dan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah sejarah yang saya baccha itu benar, saya bimbang takut di-negeri² yang lain lagi di-dalam Malaysia kita ini ada tanah² yang dijual begitu dan kalau-lah perkara ini ada terbau atau pun ada terdengar angin² ada di-Sabah dan di-Sarawak, patut-lah kita membuat daripada awal lagi, kita membuat lagi penyiasaan² yang sa-macam itu.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bawakan kerana Ahli Yang Berhormat tadi memansokhkan pada hal usul yang di-hadapan kita ini sa-mata² kena mengena dengan duty dan saya harap-lah Menteri kita ini memberi penerangan di atas kebimbangan saya tadi.

Tuan Tan Siew Sin: Sir, in reply to the Honourable Member for Bachok, I should add that I do not think that this measure will significantly affect our balance of payments. If there is any effect at all, it should be favourable, because it is just possible, but I obviously cannot forecast in this matter, that the removal of the preferential margins would decrease the imports of Commonwealth goods which are affected, and if that were to happen, there would, in fact, be a favourable effect on our balance of payments.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sabah Customs Ordinance (Cap. 33), the Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 4) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 66 of 1966 be confirmed.

THE SARAWAK CUSTOMS ORDINANCE (CAP. 26)

The Customs (Import and Export) Duties (Amendment) (No. 3) Order, 1966

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move the following motion standing in my name which has been put down on the Order Paper as item No. 9:

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of

sub-section (3) of section 8 of the Sarawak Customs Ordinance (Cap. 26), the Customs (Import and Export) Duties (Amendment) (No. 3) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 67 of 1966 be confirmed.

In essence, this Order is identical with the Customs Duties (Sabah) (Amendment) (No. 4) Order, 1966 and applies to Sarawak in the same way as the latter Order applies to Sabah.

Sir, I beg to move.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (3) of section 8 of the Sarawak Customs Ordinance (Cap. 26), the Customs (Import and Export) Duties (Amendment) (No. 3) Order, 1966, which has been laid before the House as Statute Paper No. 67 of 1966 be confirmed.

THE FIRST REPORT OF THE STANDING ORDERS COMMITTEE (THIRD SESSION) OF THE SECOND HOUSE OF REPRESENTATIVES (Paper No. DR. 4 of 1966)

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Speaker, Sir, I beg to move the motion standing in the name of the Minister of Home Affairs, which has been put down as item No. 10 in the Order Paper, namely:

That the first Report of the Standing Orders Committee (Third Session) of the Second House of Representatives, which has been presented to the House as Paper No. DR. 4 of 1966, be adopted with effect from the end of this meeting.

Tuan Tan Siew Sin: Sir, I beg to second the motion.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan, saya ingin memberi pendapat sedikit berkenaan dengan peratoran² yang telah di-kemukakan oleh Jawatankuasa Standing Order ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka kalau sa-kira-nya perjalanan persidangan Dewan Ra'ayat kita ini berjalan mengikut waktu² pejabat ia-itu office hours betul, tidak sa-bagaimana yang ada sekarang ini. Sebab-nya

bagini, Tuan di-Pertua, kita telah mengalami di-dalam Dewan ini berbagai² keadaan, terkadang² itu menyedehkan, terkadang² itu memarahkan dan terkadang² meluchukan, ia-itu kita pernah meshuarat sampai pukul satu, sampai pukul dua dan terkadang² dahulu-nya kita meshuarat sampai pukul lapan. Ini menyebabkan contact kita dengan hidup sa-hari² tidak sama, jadi kita bermeshuarat sampai pukul enam, office tutup sampai 4.30, mithal-nya, habis! Jadi, erti-nya program kechergasan kita itu tidak sama dengan apa yang berlaku. Jadi, sa-patut-nya masa kita bekerja ini sama, kalau office habis 4.30, kita pun habis 4.30.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita samakan itu senang-lah kalau kita ada berjanji dengan orang 4.30 mithal-nya, lima minit lagi kita pun keluar e'ok sahaja pergi ambil dia. Ini dia tunggu kadang² kita bersidang sampai pukul enam, berapa banyak pula janji² yang di-buat oleh Ahli Parlimen ini yang tidak dapat di-tunaikan dan orang itu mengatakan Ahli Parlimen ini tipu janji kita, dan melukakan hati² orang yang berjanji itu pula.

Yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada pengalaman di-dalam waktu bermeshuarat ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat—janji apa yang di-katakan-nya itu, dan kepada siapa?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Pada satu hari, Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji dengan isteri saya sendiri (*Ketawa*) ia-itu lepas office saya hendak ambil dia—jadi dia memahami bahawa lepas office itu erti-nya 4.30. Saya tersilap rupa-nya kita ini bersidang sampai pukul lapan, maka dia dudok menunggu di-situ dan balek, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dapat menggambarkan dan dapat meramalkan bagaimana hebat-nya confrontation pada hari itu (*Ketawa*). Jadi, ini kalau berlaku pada saya, tidak mustahil-lah berlaku-nya kepada Member² yang lain juga, chuma Member² lain itu dia sembunyikan keburokan-nya lebeh daripada dia mencheritakan kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu persidangan kita terkadang² lama, panjang dan kita berhajat juga hendak membacha, hendak refer, ka-sana ka-mari. Kalau kita masok meshuarat, mithal-nya, berlain daripada Office Hours kita tentu-lah berasa leteh dan banyak-lah member² yang tidak ingin berchakap langsung terutama berkenaan dengan Rang Undang².

Saya perhatikan dalam Dewan ini ia-lah banyak orang termasuk-lah saya, bukan orang lain sahaja—kita ada beringin (*interested*) di-dalam benda² yang berchorak political dan yang dalam polisi speech, yang boleh berchakap mengikut pendapat masing², tetapi Rang Undang² sendiri yang menjadi tugas bagi Parlimen ini membentok Rang Undang² itu siapa pun tidak ada berchakap, di-antara 100 lebeh back-benchers Kerajaan. Yang saya tahu sa-orang dua sahaja berchakap atas Rang Undang², yang lain itu dia menggunakan masa-nya untuk memberi fikiran biasa sahaja. Rang Undang² tidak di-tempoh langsung, padahal, ma'af Tuan Yang di-Pertua, dalam back-benchers Kerajaan ini ada loyar, ada orang yang berpengalaman begitu bagini.

Jadi kita mengharapkan orang itu memberi fikiran dan saya sendiri sebagai Ahli yang muda di-dalam Dewan ini, saya rasa kalau orang itu bekerja menunai begitu, dapat juga pengalaman² saya tetapi kalau dia orang itu lebeh malas lagi daripada saya, Tuan Yang di-Pertua, malas champor malas maka Dewan kita ini

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah Yang Berhormat tahu kami ada-lah bagi pehak Kerajaan dan apa yang di-buat oleh Kerajaan itu kami telah rundingkan lebeh dahulu, sebab itu kami ta' berchakap.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu-lah kalau back-benchers itu tentu-lah menyokong Kerajaan tetapi di-dalam masaalah Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sudah melihat bahawa di-waktu hendak membentok Rang Undang² itu Ahli²

back-benchers yang boleh berfikir selalu-nya tidak begitu sama sangat dengan Kerajaan—ada contribution dia dan begitu juga saya pernah masuk di-dalam Select Committee, di-dalam Selection Committee. Jadi erti-nya perbezaan orang² itu berfikir. Jadi saya sayang sangat fikiran² itu yang baik itu hanya di-tenggelamkan dengan satu kata ia-itu kami back-benchers ini menyokong Kerajaan sa-mata², dalam polisi kita menyokong tetapi dalam membentok rang undang² apa salah-nya kalau kita memberi contribution di-dalam itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu-lah Tuan Yang di-Pertua, kita dapati Dewan kita ini selalu tidak chukup koram dan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan kapada saya, saya terpaksa meminta elaun lebeh kapada Tuan Yang di-Pertua, sebab saya selalu menolong supaya koram itu chukup (*Ketawa*).

Jadi sudah dua tanggung-jawab saya dalam Dewan ini yang pertama sa-bagai ahli Dewan Ra'ayat dan yang kedua sa-bagai orang tolong jaga koram (*Ketawa*). Jadi lepas konfrantasi ini saya berasa duit pun banyak, patut tuan hendak bagi tahu kapada Kerajaan supaya menambahkan elaun ahli² Parlimen ini kalau tidak pada orang lain pun kapada satu ahli yang chergas yang menolong tuan menjalankan Dewan ini. Terima kaseh. (*Tepok*).

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini kita ada bukan sahaja ahli² Yang Berhormat biasa, tetapi juga Menteri²

termasuk-lah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Maka jika meshuarat ini diadakan mengikut jam seperti pejabat², ini akan mengganggu atau pun tidak membenarkan Menteri² menjalankan kerja² di-Kementerian yang mesti juga di-jalankan walau pun Parlimen bersidang. Itu-lah sebab-nya maka perkara ini, dalam masa meshuarat ini, kita adakan seperti yang ada pada masa ini.

Masalah Ahli Yang Berhormat itu meminta elaun, saya pun ta' tahu sama ada PAS ada berkuasa dalam Dewan ini hendak melantek dia membantu Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh kerana dia itu sudah bengkerap sangat jadi dia minta-lah elaun pada kita. Agak-nya kita pun kasehan juga dengan dia itu, boleh jadi juga hendak minum kopi, hendak minum teh, hendak apa, waktu ada persidangan ini. Boleh jadi kita boleh "pass-round" topi kita keluarkan 5 sen atau pun 10 sen (*Ketawa*) sa-orang kita boleh "contribute" kapada Fund Yang Berhormat dari Bachok itu. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the first Report of the Standing Orders Committee (Third Session) of the Second House of Representatives, which has been presented to the House as Paper No. DR. 4 of 1966, be adopted with effect from the end of this meeting.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan *sine die*.

Adjourned at 1.00 p.m.